

Pada 20 dan 21 Ogos 2024 yang lepas, telah diadakan Kursus Asas Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) dan Latihan Pengungsian Bangunan di Bilik Kolaboratif CVL, Kompleks FKEE, Blok G1, UTHM. Kursus tersebut telah melibatkan tiga Pusat Tanggungjawab (Ptj) iaitu Pusat Pembelajaran Maya (CVL), Jabatan Pengurusan Makmal dan Fasiliti (JMF), FPTP dan staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik yang berada di Blok G1.

Kursus ini bertujuan melatih pasukan ERT untuk persediaan mengendalikan kes-kes kecemasan serta kejadian bencana bagi menyelamatkan mangsa dan mengelakkan berlaku kecederaan di tempat kerja.





